

Elemen dalam Buku Indie: Satu Kajian *Grounded Theory* Terhadap Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris

Elements in Indie Books: A Grounded Theory Study on Sultan Idris Educations University's Undergraduate Students

MUHAMMAD ATIULLAH OTHMAN*, NADARAJAN THAMBU & SITI NORANIZAHHAFIZAH BOYMAN¹

ABSTRACT

Indie books are produced by writers who believe in "absolute freedom in writing". In Malaysia, the Indie books, which uses non-standard language, contains inverse thoughts and often breaks out from the Sunnah wal Jamaah teachings, condemned and perceived as a work against the mainstream. However, the Indie Book has received a warm welcome from the younger generation. Therefore, the objective of this study is to identify the students' understanding of the moral content contained in the Indie Book, to explain the students' reaction to the moral content in Indie Books and to explore main elements behind the writing of this book. This study uses a qualitative approach using document analysis techniques and interviews to collect data. The results of this study show support positive features such as da'wah and motivational elements. In addition, the negative features found in the Indie Books are very disturbing because they contain obscene, violent and ideological elements that deviate from the state's rule. However, the students were found to be interested in Indie Books because it's contain key elements of attraction. This key element is freedom, realistic and relaxed as well as key feature of Postmodernism and Existentialism.

Keywords: existentialism, Grounded Theory, indie book, literature, postmodernism

Istilah 'Indie' boleh difahami sebagai sebuah aliran atau budaya yang inginkan kebebasan dari sebarang kongkongan autoriti serta *mainstream* (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016). Oleh demikian, Buku Indie boleh dianggap sebahagian dari gerakan Indie yang wujud dalam negara (BTN 2015). Faktor kemunculan istilah 'Indie' adalah manifestasi dari sikap keinginan kebebasan dalam pelbagai bidang yang diceburi dan sikap keinginan kebebasan atas pengaruh falsafah sesebuah aliran atau ideologi yang dipegang (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016). Apabila istilah indie ini

¹ **Muhammad Atiullah*** (*corresponding author*), Ph.D., senior lecturer at Dept. of Social Studies & Citizenship, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University (Universiti Pendidikan Sultan Idris), 35900 TANJUNG MALIM, Perak, Malaysia, email: atiullah@fsk.upsi.edu.my; **Nadarajan Thambu**, Ph.D., senior lecturer at Dept. of Social Studies & Citizenship, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University (Universiti Pendidikan Sultan Idris), 35900 TANJUNG MALIM, Malaysia, email: nada@fsk.upsi.edu.my; **Siti Noranizahhafizah Boyman**, Ph.D., Dept. of Social Studies & Citizenship, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University (Universiti Pendidikan Sultan Idris), 35900 TANJUNG MALIM, Perak, Malaysia, email: noranizah@fsk.upsi.edu.my.

dikaitkan dengan penerbitan buku, Biro Tata Negara menjelaskannya sebagai sastra indie yang ditandai dengan kebebasan berfikir, idea yang tidak dikawal, tanpa ikatan peraturan, lepas-bebas dari sebarang hukum-hakam penerbitan atau norma hidup (Adnan & Kamaliah 2000). Ia juga boleh dianggap sebagai satu aliran pemikiran atau budaya yang menggunakan buku sebagai bahan utama dalam menyebarkan idea atau pemikiran berdasarkan prinsip kebebasan dari sebarang kongkongan autoriti serta mainstream (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016).

Bahan bacaan indie ini mendapat kecaman dari sudut penggunaan bahasa (Adnan & Kamaliah 2000). Kemudian, penerbitan Buku Indie dianggap sebahagian dari gerakan Indie yang bakal memberi permasalahan kepada negara (BTN 2015). Begitu juga Laporan dari JAIS (Jabatan Agama Islam Selangor) menyebut kewujudan beberapa Buku Indie mengandungi pemikiran songsang yang merosakkan dan dikenalpasti terkeluar dari ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016). Namun, Buku Indie telah mendapat tempat di hati golongan muda terutamanya bagi mereka yang inginkan kebebasan berfikir dan bertindak tanpa sebarang sekatan (Zarina & Zaiton 2006).

Cara penyampaian Buku Indie ini bersifat memberontak, agresif dan radikal yang mempunyai unsur-unsur lucah, liberalisme, agnostic, narsistik (cinta diri berlebihan), meruntuhkan nilai-nilai keagamaan, moral dan budaya (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016). Malah, Buku Indie merupakan bahan sebaran gerakan indie bersifat politik yang menjadikan para pengikutnya sebagai pengikut senyap yang ramai untuk menghadapi Pilihanraya Umum ke-14. Mereka cenderung kepada politik pembangkang (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016).

Manakala kajian ini pula menjelaskan pandangan Mahasiswa UPSI melalui catatan mahasiswa yang dikemukakan bagi menjawab persoalan berkenaan buku indie. Dapatan kajian dianalisis menggunakan metodologi *Grounded Theory* dan mendapati Buku Indie mengandungi elemen utama yang menarik minat remaja iaitu kebebasan, realistik dan santai. Elemen utama ini adalah sebenarnya lahir dari genre penulisan pascamodenisme dan keinginan menonjolkan diri yang disebut eksistensialisme.

Metodologi

Metodologi kajian lebih menumpukan analisis dokumen. Menurut Given (2008), analisis dokumen merupakan salah satu kaedah daripada pengumpulan data dalam kaedah kualitatif secara menganalisis dokumen berbentuk bahan catatan atau artifak fizikal. Kajian ini menggunakan analisis dokumen terhadap catatan pelajar. Catatan pelajar merupakan adalah hasil penulisan para mahasiswa yang diberi tempoh masa yang mencukupi bagi mereka mencatatkan perkara yang mereka faham mengenai buku indie. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah golongan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pemilihan mahasiswa UPSI sebagai peserta kajian adalah kerana golongan ini merupakan golongan sasaran sebaran buku indie. Tambahan pula, Buku Indie adalah sangat berpengaruh terhadap golongan belia terutamanya mahasiswa.

Manakala analisis yang digunakan adalah *Grounded Theory* yang merupakan satu kaedah kuantitatif yang dibangunkan oleh Glaser dan Strauss dalam karyanya '*The Discovery of Grounded Theory*'. Tujuan *Grounded Theory* digunakan adalah bagi mengenalpasti falsafah pemikiran dan elemen utama buku indie. Tambahan pula, Glasser & Strauss (1967) menyebut *Grounded Theory* dikemukakan agar membentuk teori berdasarkan data yang diperolehi. Malah, Corbin & Strauss (1990) menyebut ia memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pembentukan pemikiran umum.

Tinjauan Awal

Tinjauan awal mendapati Buku Indie menggunakan kebebasan menulis digunakan dengan cara yang salah. Kedapatan Buku Indie mengkritik kerajaan dan masyarakat dengan melabel sebagai zalim seperti karya berjudul *Amerika* (2011). Kedapatan juga Buku Indie menggalakkan zina dengan bahasa yang tidak langsung seperti karya *Amerika* (2011) dan *Nazi Goreng* (2014). Buku Indie didapati menggabungkan unsur negatif seperti lucu, menyindir kerajaan dan pemikiran liberalisme seperti *Amerika* (2011), *Mani: Wanita Kebaya Kuning* (2014), *Lari dari Syurga* (2012), *KL Noir* (2013), *Gantung* (2013) dan *Nazi Goreng* (2014). Menggunakan bahasa kasar seperti *Mani: Wanita Kebaya Kuning* (2014), *Burgermpak* (2013), *Orang Ngomong Anjing Gong Gong* (2015), *Kougar* (2011), *Perjalanan* (2015), *Mentaliti Jamban* (2016) dan *Dari Tanjung Malim ke KLCC* (2012), dan menggalakkan keruntuhan akhlak seperti *Lari dari Syurga* (2012) dan *KL Noir* (2013).

Buku Indie jenis novel dan cerpen juga didapati lebih cenderung kepada negatif. Penulis novel seperti Shaz Johar menggunakan perkataan dan ayat yang lucu. Watak dalam novel diberi nama lucu seperti Mr. Porn dalam *Sasar* (2016). Kedapatan Buku Indie menyelitkan homoseksual dan tidak beranggapan ia merupakan kesalahan seperti *Sasar* (2016), mengagungkan seks bebas seperti *Gantung* (2013) dan *Kelabu* (2011) yang kedua-duanya merupakan tulisan Nadia Khan dan kedapatan karya menggalakkan membunuh diri yang dikatakan diterima dalam Islam seperti *Cerpen* (2013) tulisan Shaz Johar.

Kedapatan Buku Indie jenis umum memberi tumpuan kepada sindiran dan kritikan politik seperti *Sekolah Bukan Penjara Universiti Bukan Kilang* (2013), *Cerpen-cerpen Underground* (2016), *Orang Ngomong Anjing Gong Gong* (2015), *Mentaliti Jamban* (2016) dan *Kakitokrasi* (2016). Kedapatan juga karya yang mengetengahkan sikap perkauman, diskriminasi terhadap kaum Cina dan India, dan menyelit ideologi Nazisme seperti *Nazi Goreng* (2014).

Walaupun demikian, Buku Indie jenis motivasi dan dakwah mempunyai unsur positif. Buku motivasi didapati banyak diselitkan dengan kata-kata hikmah dan moral yang baik. Kebanyakannya bercerita mengenai pengalaman yang diubah suai semula agar benar-benar memberi semangat dan inspirasi kepada pembaca. Contoh Buku Indie jenis motivasi adalah *Bebas Jangan Sampai Terbabas* (2015) dan *ESC* (2015). Kedapatan Buku Indie jenis Islamik bergenre dakwah. Buku Islamik ini bertujuan memberi pengajaran dan membujuk agar kembali kepada ajaran agama Islam seperti *Coklat Tarbiah* (2016) dan *Aku Bukan Malaikat* (2016).

Elemen dalam Buku Indie

Kajian ini dapat menyimpulkan tiga elemen utama bagi Buku Indie iaitu kebebasan, realistik dan santai. Elemen Buku Indie ini adalah bersandarkan kepada dapatan kajian sebagaimana disenaraikan di bawah:

	ELEMEN	KANDUNGAN DAPATAN KAJIAN
1	Kebebasan	<ul style="list-style-type: none"> - Kebebasan dengan penghasilan karya - Kebebasan bersuara. - Membuat penilaian sendiri. - Menyuarakan pendapat penulis dan membina semangat, iktibar dan pedoman sebagaimana penulis.
2	Realistik	<ul style="list-style-type: none"> - Memenuhi cita rasa pembaca. - Bahasa yang bebas mengikut penggunaan terkini. - Membincangkan isu-isu semasa berkenaan negara dan masyarakat.

		<ul style="list-style-type: none"> - Berdasarkan pengalaman penulis sendiri yang menggambarkan realiti hidup seseorang. - Cuba memahami realiti sebenar, nilai masyarakat dan budaya sosial.
3	Santai	<ul style="list-style-type: none"> - Gaya penulisan yang memudahkan pembaca. - Menjimatkan masa dan tenaga. - Penerbitan yang mudah dan harga yang murah. - Mudah dimiliki kerana harga murah. - Pembaca mengisi masa lapang dengan membaca buku indie.

Kebebasan

Melalui catatan pelajar, mahasiswa beranggapan bahawa Buku Indie ini adalah sebuah penerbitan yang berbentuk kebebasan. Kebebasan tersebut merangkumi kebebasan dalam penulisan dan juga penerbitan. Hal ini bermaksud penulis bebas dalam menulis karya masing-masing dan menerbitkannya dengan dana sendiri. Menurut peserta kajian:

Buku Indie boleh didefinisikan sebagai buku yang dikemukakan oleh sesetengah pihak sebagai kebebasan dalam penerbitan dan penulisan. Buku Indie juga merupakan buku yang tidak terikat dengan mana-mana institusi atau syarikat-syarikat penerbitan buku yang lain.

[upsi/catatanpelajar/ CI3.2017]

Buku Indie merupakan salah satu buku yang tidak berbentuk ilmiah yang telah ditulis oleh generasi kini tidak kira mereka berpendidikan tinggi ataupun tidak. Buku Indie ini merupakan buku yang ditulis hasil luahan perasaan atau pendapat seseorang tentang sesuatu perkara.

[upsi/catatanpelajar/ CI14.2017]

Buku Indie juga boleh difahami sebagai sebuah aliran atau budaya yang menggunakan buku sebagai bahan utama dalam menyebarkan idea atau pemikiran berdasarkan prinsip kebebasan dari sebarang kongkongan.

[upsi/catatanpelajar/ CI18.2017]

Buku Indie merupakan buku yang membawa satu aliran daripada pemikiran yang bebas dan kebanyakannya juga kandungannya berlawanan dengan buku-buku pendidikan yang telah diajarkan kepada seseorang dari bangku sekolah. Buku Indie juga tidak selari dengan pegangan dan norma yang dipegang oleh Dewan Bahasa dan Pustaka kerana buku ini juga ada menggunakan kata-kata slanga dan terdapat juga unsur tabu.

[upsi/catatanpelajar/CT1.2017]

Buku Indie pula merupakan sebuah bahan pembacaan yang mengandungi idealis tersendiri, kebebasan bersuara (*freedom of speech*), membantah dan mengkritik secara berasas, subjek dan gaya penulisan yang menolak bentuk struktur konvensional.

[upsi/catatanpelajar/ CT16.2017]

Buku Indie merupakan sebuah aliran atau budaya yang menggunakan buku sebagai bahan utama dalam menyebarkan idea atau pemikiran berdasarkan prinsip kebebasan dari sebarang kongkongan autoriti.

[upsi/catatanpelajar/ CT30.2017]

Kebebasan Merupakan Hak Asasi Manusia

Berdasarkan dapatan daripada catatan pelajar, Buku Indie dapat mengajar seseorang dalam mempertahankan hak asasi manusia melalui kebebasan bersuara yang bersifat bebas dari segi penulisan. Dapatan kajian adalah sebagaimana berikut:

Pada pendapat saya, Buku Indie ada mengajar kita untuk mempertahankan hak asasi manusia. Hal ini demikian kerana dalam Buku Indie, ada sesetengah penulis berani melontarkan apa yang mereka tidak puas mengenai sesuatu atau kata lainnya kebebasan bersuara.

[upsi/catatanpelajar/ CI4.:2017]

Pada pendapat saya Buku Indie sememangnya mengajar pembaca untuk mempertahankan hak asasi manusia. Hal ini demikian kerana, mereka sangat bebas untuk bersuara, melontarkan kemahuan yang diinginkan sama ada untuk diri penulis sendiri atau untuk kepentingan masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/ CI31.:2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie mengajar saya untuk mempertahankan hak asasi manusia. Contoh hak asasi manusia ialah kebebasan bersuara.

[upsi/catatanpelajar/ CT13.:2017]

Buku Indie mengajar untuk mempertahankan hak asasi manusia kerana tiada medium khas untuk seseorang bersuara. Oleh hal yang demikian, kewujudan Buku Indie sedikit sebanyak membantu seseorang itu melontarkan pendapat.

[upsi/catatanpelajar/ CT18.:2017]

Berdasarkan pemahaman saya mengenai Buku Indie ini, kebanyakan penulisan Buku Indie ini mengajar untuk memperjuangkan hak asasi manusia. Hal ini kerana penulis yang menulis Buku Indie ini secara dasarnya memperjuangkan kebebasan untuk menulis dan mengetengahkan apa sahaja isu yang mereka rasakan betul dan perlu untuk mereka bincangkan dengan kata lain mereka ingin mempertahankan hak individu untuk bersuara secara bebas dan terbuka tanpa ada sekatan dan tanpa perlu memikirkan sensitiviti pihak lain.

[upsi/catatanpelajar/ CT19.:2017]

Kebebasan Penghasilan Karya

Begitu juga, kebebasan merupakan kebebasan penghasilan karya. Berdasarkan pendapat dari peserta kajian, kebebasan penghasilan karya ini sedikit sebanyak dapat mengajar pembaca serta penulis dalam hak asasi manusia. Penulis sesebuah buku adalah bebas dalam menghasilkan karya masing-masing dan ini menunjukkan bahawa hak asasi dalam meluahkan perasaan serta idea masih dipertahankan. Dapatan kajian adalah sebagaimana berikut:

Ya, Buku Indie memang mengajar untuk mempertahankan hak asasi manusia. Hal ini kerana, penulis bebas untuk menghasilkan karya-karya mereka tanpa ditapis ataupun dihalang oleh mana-mana pihak.

[upsi/catatanpelajar/ CI6:.2017]

Penulisan Buku Indie juga banyak melatih dan mempengaruhi seorang penulis untuk mempertahankan hak mereka sebagai seorang manusia iaitu bebas untuk berfikir dan bersuara tetapi tidak menjejaskan serta memudaratkan orang lain.

[upsi/catatanpelajar/ CI8:.2017]

Buku Indie dapat mengajar untuk mempertahankan hak asasi manusia berdasarkan luahan-luahan daripada penulis. Walaupun hakikatnya sukar untuk diterima, namun ia adalah sesuatu yang patut dihargai kerana kebenaran adalah pahit.

[upsi/catatanpelajar/ CI12:.2017]

Ya, saya berpendapat Buku Indie mampu mengajar seseorang untuk mempertahankan hak asasi manusia. Kebanyakan penulis Buku Indie adalah daripada mereka yang bersuara lantang dalam memperkatakan sesuatu isu dalam karya mereka. Di Malaysia, terdapat hak-hak yang perlu dipertahankan antaranya hak bersuara.

[upsi/catatanpelajar/ CI23:.2017]

Berdasarkan kepada definisi ini dapatlah saya rumuskan bahawa buku ini sedikit mengajar untuk mempertahankan hak asasi manusia. Pertama sekali adalah berkaitan dengan hak kebebasan membaca mengikut keinginan masing-masing.

[upsi/catatanpelajar/ CT22:.2017]

Realistik

Buku Indie lebih realistik yang menurut tuntutan semasa. Buku Indie sangat memberi tumpuan kepada pembaca-pembaca muda dengan menarik minat mereka melalui perkongsian minat dan hobi yang sama. Oleh demikian, Buku Indie sangat memenuhi cita rasa pembaca dengan mengetengahkan realiti hidup seseorang dan penceritaan pengalaman penulis.

Memenuhi Cita Rasa Pembaca

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pembaca Buku Indie berasa berpuas hati dengan buku tersebut kerana memenuhi cita rasa pembaca. Dari segi kandungan buku, gaya persembahan kulit depan buku, penggunaan bahasa yang mudah dan santai menyebabkan pembaca berpuas hati kerana dapat memenuhi cita rasa mereka. Berdasarkan pandangan peserta kajian:

Rata-rata pembaca dan peminat Buku Indie ini berpuas hati kerana Buku Indie ini menawarkan kelainan dengan mengikut cita rasa terkini.

[upsi/catatanpelajar/ CT11: .2017]

Saya yakin dan percaya bahawa kebanyakan pembaca berpuas hati malah saya sendiri berpuas hati dengan buku indie. Hal ini demikian kerana, buku ini pertamanya merupakan buku yang tidak terlalu mahal harganya dan sesiapa sekalipun boleh memiliki buku ini.

[upsi/catatanpelajar/ CI20:.2017]

Pada pendapat saya, kandungan Buku Indie juga dapat memberi sesuatu kepuasan kepada pembaca serta dapat menarik minat pembaca dengan baik. Selain daripada kandungan Buku Indie yang dapat menarik minat pembaca, Buku Indie juga mempunyai reka bentuk yang menarik serta ringan dan dijual pada harga yang berpatutan dan boleh dimiliki oleh golongan muda.

[upsi/catatanpelajar/ CT5:.2017]

Reka bentuknya segar dan susunan sari rangsang yang menarik minat pembaca. Generasi muda masa kini lebih suka membaca kisah-kisah yang menjurus kepada hedonisme iaitu pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau keseronokan hidup. Ini adalah punca mengapa mereka berpuas hati dengan buku indie.

[upsi/catatanpelajar/ CT14:.2017]

Mengetengahkan Realiti Hidup

Begitu juga, realiti hidup pada masa ini juga boleh mengajar dalam mempertahankan nyawa manusia. Dalam buku-buku Indie juga telah menyelitkan realiti hidup pada masa ini untuk dijadikan pedoman dan pengajaran dalam mempertahankan nyawa manusia. Pendapat peserta kajian sebagaimana berikut:

Buku Indie hanya menulis tentang realiti hidup dan isu-isu semasa sahaja.

[upsi/catatanpelajar/ CI2:.2017]

Berdasarkan buku *Sekolah Bukan Penjara Universiti Bukan Kilang* (2013) ini lebih kepada menghargai nyawa manusia. Hal ini demikian kerana, penulis mengambil berat tentang isu pelajar corot di mana berlaku pengelasan pelajar berdasarkan prestasi pelajar. Walaupun pelajar mendapat keputusan tidak baik atau prestasi rendah sekalipun, pelajar tetap adalah pelajar dan tugas guru adalah mengajar pelajar sehingga berjaya.

[upsi/catatanpelajar/ CI10:.2017]

Buku Indie yang ditulis berdasarkan kisah-kisah realiti hidup dan isu-isu semasa mungkin boleh dikaitkan dengan mempertahankan atau menghargai nyawa manusia. Buku yang ditulis berkisarkan realiti hidup dan isu semasa ini akan menyelitkan nilai-nilai kemanusiaan yang semakin pupus dalam kalangan masyarakat kita.

[upsi/catatanpelajar/ CI26:.2017]

Dapatan kajian menunjukkan sesetengah peserta kajian berpendapat bahawa Buku Indie akan menyelitkan realiti hidup sebenar dan sesuai dengan keadaan masyarakat sekarang sehingga boleh memelihara hidup bermasyarakat. Menurut peserta kajian:

Bagi saya, Buku Indie banyak mengajar memelihara hidup bermasyarakat. Hal ini demikian kerana, Buku Indie merupakan buku yang memaparkan kisah realiti sebenar kehidupan.

[upsi/catatanpelajar/ CI3:.2017]

Penulis berpendapat, Buku Indie dan masyarakat mempunyai hubungan yang amat erat. Oleh itu, penulis berpandangan, Buku Indie sememangnya ada menyampaikan mesej agar memelihara hidup bermasyarakat. Sesebuah karya Buku Indie dibina oleh persoalan-persoalan yang dipetik daripada rencamnya kehidupan sesuatu masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/ CI28:.2017]

Ya, kerana segala isu yang diceritakan dalam sesebuah Buku Indie ada terselit tentang kehidupan dalam kalangan masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/ CI31:.2017]

Pada pendapat saya, plot penceritaan dalam Buku Indie ini bertemakan pelbagai seperti dalam bentuk nasihat, perjuangan, catatan perjalanan hidup seseorang, diari hidup, pemberontakan dan sebagainya. Melalui bentuk penceritaan ini yang telah banyak mengajar seseorang itu mempunyai matlamat hidup serta hidup bermasyarakat.

[upsi/catatanpelajar/ CT5:.2017]

Santai

Buku Indie juga bercirikan santai dengan memudahkan kefahaman pembaca melalui penggunaan bahasa yang mudah dan penyusunan idea yang pelbagai bentuk. Malah, Buku Indie boleh dikategorikan murah yang menjadikan Buku Indie mudah dimiliki. Dengan pemilikan Buku Indie ini dapat mengisi masa lapang dan mengelak dari perkara yang tidak berfaedah.

Memudahkan Kefahaman Pembaca

Dapatan kajian juga menunjukkan kandungan Buku Indie yang menggunakan bahasa yang mudah dapat menjimatkan masa dan tenaga pembaca. Menurut peserta kajian:

Penulisan Buku Indie ini menggunakan bahasa yang mudah difahami dan ianya dapat memudahkan pembaca untuk memahami isi kandungan buku tersebut.

[upsi/catatanpelajar/ CI10:.2017]

Ya, Buku Indie banyak mendidik pembaca supaya menjimatkan masa dan tenaga melalui karyanya yang terlahui *sempoi*. Malah, penulisan Buku Indie yang tidak padat seperti ilmiah memberikan kami masa yang singkat untuk membacanya sehingga habis.

[upsi/catatanpelajar/ CT13:.2017]

Jika kaitan mendalami maksud sebenar sesuatu isi dalam tulisan sesebuah Buku Indie, kita mungkin akan dapat nyak manfaat dan dapat mendidik kita tentang kepentingan menjimatkan masa dan tenaga.

[upsi/catatanpelajar/ CI26:.2017]

Selain itu juga, koleksi-koleksi Buku Indie adalah tidak terlalu tebal isi kandungannya menyebabkan pembaca tidak perlu mengambil masa yang lama untuk menghabiskan bacaan sebuah Buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/ CI33:2017]

Buku Indie yang dihasilkan oleh penulis Indie kebiasaannya mempunyai helaian yang sangat nipis namun mempunyai mesej yang cukup padat yang hendak disampaikan kepada pembaca dan tidak tebal seperti novel-novel lain yang dihasilkan oleh penerbit bukan Indie.

[upsi/catatanpelajar/ CT28:2017]

Penggunaan Bahasa yang Mudah

Melalui catatan pelajar juga, peserta kajian berpandangan penggunaan bahasa yang mudah difahami akan meningkatkan motivasi membaca dalam kalangan pembaca. Dapatan kajian sebagaimana berikut:

Saya berpendapat bahawa Buku Indie ini dapat mempertingkatkan motivasi membaca. Hal ini demikian kerana, penggunaan bahasa yang mudah difahami dan lebih menggunakan bahasa pasar menepati jiwa muda pembaca yang tidak menyukai bahasa yang tinggi dan sukar difahami.

[upsi/catatanpelajar/ CI10:2017]

Pada pendapat penulis, tidak dinafikan bahawa Buku Indie mampu mempertingkatkan motivasi membaca. Hal ini kerana, Buku Indie merupakan salah satu buku yang menarik, unik dan ada kelebihannya yang tersendiri sehingga mampu menarik minat para pembaca apatah lagi para pengikut setia buku-buku Indie. Selain itu, hasil karya Buku Indie ini juga menampilkan gaya bahasa yang santai dan mudah difahami.

[upsi/catatanpelajar/ CI28:2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie dapat mempertingkatkan motivasi membaca terutamanya bagi golongan muda. Gaya penyampaian yang santai dan sempoi dapat menarik minat golongan muda untuk membaca.

[upsi/catatanpelajar/ CT17:2017]

Pada pendapat saya Buku Indie dapat mempertingkatkan motivasi membaca terutamanya di kalangan anak muda. Hal ini kerana jalan cerita yang lebih bebas dan bersifat terbuka serta penggunaan bahasa yang lebih 'sempoi' yang menjadikan Buku Indie dekat di hati anak muda untuk memiliki dan membacanya.

[upsi/catatanpelajar/ CT19:2017]

Pada pandangan saya Buku Indie dapat mempertingkatkan motivasi membaca terutamanya dalam kalangan remaja. Hal ini kerana, penjualan Buku Indie telah dikembangkan di semua tempat seperti di pesta buku, di universiti mahupun di karnival buku antarabangsa. Oleh itu, penggunaan bahasa yang mudah juga mempengaruhi pembaca untuk membaca dan memahami karya Indie tersebut dan dapat mempertingkatkan motivasi membaca.

[upsi/catatanpelajar/ CT20.:2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie dapat meningkatkan motivasi membaca. Hal ini kerana gaya penulisan yang mudah dapat menarik minat generasi muda untuk membaca.

[upsi/catatanpelajar/ CT27.:2017]

Penyusunan Idea Yang Pelbagai Bentuk

Peserta kajian juga mencatatkan bahawa Buku Indie merupakan buku yang mempunyai pelbagai bentuk dan genre. Oleh demikian, penyampaian idea juga dalam pelbagai bentuk yang secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi pembaca. Berikut adalah catatan pelajar:

Pada pendapat saya ya. Kerana motivasi membaca dapat dipupuk jika buku itu menepati selera dan jiwa pembaca. Buku Indie merangkumi pelbagai genre yang mampu menepati mana-mana selera pembaca. Ada pembaca yang tidak sukakan buku yang terlalu berat.

[upsi/catatanpelajar / CI9.:2017]

Buku Indie dapat mempertingkatkan motivasi membaca. Ini kerana cara penyampaian jalan cerita yang tidak meleret-leret maka ia dapat menarik minat seseorang pembaca untuk lebih ingin mengetahui apa yang terjadi seterusnya. Pembaca yang gemar akan buku ilmiah akan mudah tertarik dengan Buku Indie kerana sesetengah Buku Indie mengupas apa realiti hidup zaman sekarang dan apa yang berlaku di sekeliling kita tanpa kita sedari.

[upsi/catatanpelajar/ CI17.:2017]

Pada pandangan saya, melalui Buku Indie, banyak maklumat-maklumat penting yang boleh diambil dan dijadikan sebagai panduan kepada pembaca di samping dapat meningkatkan motivasi intrinsik terhadap pembaca untuk membaca Buku Indie. Selain itu, keadaan ini juga dapat mewujudkan sikap harmoni sesama kaum iaitu, dapat membantu penerbit buku-buku Indie dalam mempromosikan kewujudan Buku Indie di pasaran.

[upsi/catatanpelajar/ CT5.:2017]

Pada fahaman saya, Buku Indie juga dapat meningkatkan motivasi membaca kerana mereka akan lebih gemar membaca daripada mereka tidak suka membaca. Bagi mereka Buku Indie merupakan satu buku yang tidak akan sama seperti buku-buku lain yang mereka baca.

[upsi/catatanpelajar/ CT21.:2017]

Mudah Dimiliki

Berdasarkan catatan pelajar, Buku Indie mempunyai ciri mudah dimiliki yang secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi pembaca. Bahkan, ia akan menyebabkan pembaca lebih bersemangat untuk membacanya. Berikut merupakan dapatan kajian:

Pada pendapat saya, Buku Indie ini sememangnya dapat mempertingkatkan motivasi pembaca khususnya dalam kalangan

generasi muda. Situasi ini berlaku disebabkan Buku Indie ini mudah dimiliki khususnya golongan remaja.

[upsi/catatanpelajar/ CI15.:2017]

Jalanlah ke mana sahaja atau berkulunlah ke pesta buku, buku-buku daripada penerbit indie inilah yang terus diselak dan dijinjing oleh pembaca muda di mana-mana sahaja. Peningkatan jumlah penerbitan buku di Malaysia menjadi indikator kepada peningkatan dalam bilangan pembaca. Maka boleh disimpulkan bahawa Buku Indie dapat meningkatkan motivasi membaca.

[upsi/catatanpelajar/ CT7.:2017]

Perbincangan

Terdapat beberapa jenis buah buku telah dikenal pasti iaitu karya Buku Indie yang berbentuk novel, motivasi, dakwah dan umum. Buku Indie berbentuk dakwah motivasi dan dakwah didapati mempunyai unsur-unsur positif. Hanya Buku Indie berbentuk novel dan umum didapati mempunyai unsur-unsur negatif walaupun bukan semuanya sebegitu. Unsur negatif dalam novel terarah pemaparan unsur-unsur lucah dan seks. Lebih teruk, unsur seks bebas dan LGBT turut dimuatkan dalam buku indie. Sudah wujud penulis simbol seks dalam Buku Indie seperti Shaz Johar.

Manakala Buku Indie berbentuk umum juga menyelitkan pemikiran dan ideologi songsang. Penerbit yang cenderung menyelit Buku Indie adalah DuBook Press dan Thukul Chetak. Thukul Chetak lebih khusus memaparkan idea-idea sosialisme secara langsung ataupun tidak langsung dan lebih cenderung mengkritik kerajaan. Tidak semua buku terbitan DuBook Press berunsur negatif. Walaupun demikian, Buku Indie terbitan DuBook Press lebih cenderung menggunakan bahasa kasar, kesat dan slanga.

Tidak dinafikan bahawa Buku Indie mempunyai kandungan yang positif. Berdasarkan semakan Buku-buku Indie, peratusan Buku Indie yang berunsur negatif adalah minima. Namun, kedapatan syarikat-syarikat penerbitan Buku Indie seperti DuBook Press, Thukul Cetak dan Fixi yang menumpukan unsur-unsur negatif dalam penerbitannya. Walaupun telah didedahkan oleh pihak BTN (2015) dan Laporan Awal JAIS yang ditulis oleh (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016), penerbit didapati mengulangi sikap yang sama.

Faktor utama pengulangan unsur-unsur negatif ini adalah Buku Indie tidak terikat mana-mana undang-undang dan etika. Para penulis hanya menulis mengikut cara tersendiri. Malah, tidak peduli kesan terhadap masyarakat. Penumpuan hanya luahan perasaan. Tiada latihan yang diberikan kepada penulis agar mengikut garis panduan undang-undang dan etika. Para penulis menulis mengikut keinginannya dan selagi mampu untuk menulis, mereka menulis. Padahal, telah lama wujud Perintah Larangan mengikut Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301), tindakan mahkamah boleh diambil berdasarkan Seksyen 8(2) akta sama iaitu menjual hasil penerbitan yang dikenakan perintah larangan dan jika sabit kesalahan peniaga itu boleh dipenjarakan selama tempoh tidak lebih tiga tahun atau denda tidak lebih RM20,000.00 atau kedua-duanya sekali.

Walaupun demikian, Buku Indie telah terjual dan mendapat permintaan ramai. Kewujudan fenomena Buku Indie adalah hasil daripada masyarakat dan individu yang menuntut kebebasan mutlak dalam penulisan. Penulisan sebegini terhasil dari seni pasca-modernisme yang ingin merombak tradisi seni penulisan. Fenomena ini adalah terkesan dengan pemikiran existanalisme yang ingin menunjukkan kewujudannya. Tiga elemen utama bagi Buku Indie ini iaitu bebas, realistik dan santai menunjukkan Buku Indie

mempunyai dua gaya penulisan iaitu pascamodenisme dan existensialisme. Gaya penulisan pascamodenisme terdapat dalam Buku Indie adalah kerana aspek penulisan yang bersifat melawan arus dan kekinian. Manakala, gaya penulisan eksistensialisme terdapat dalam Buku Indie adalah kerana aspek penulis yang ingin menonjolkan diri dalam berkarya.

Pascamodenisme

Buku Indie sangat signifikan dengan pascamodenisme. Ada kesamaan sifat antara Buku Indie dan pascamodenisme terutamanya dari aspek penulisan sastera yang bersifat berhaluan kiri atau melawan arus perdana dan bercirikan kekinian. Ciri-ciri Pascamodenisme bermula sejak zaman 1950-an lagi dalam bidang sastera dan ia merupakan gerakan baru bagi mengkritik cara yang lama (Ingram 2006, Ree 2005). Menurut Denzin (2005), ada empat definisi mengenai pascamodenisme iaitu:

1. Berdasarkan refleksi sendiri terhadap makna dan kefahaman manusia
2. Persoalan semula mengenai apa dan bagaimana terhadap budaya
3. Logik budaya untuk merekabentuk penggunaan logik, mengguna dan mengubah nilai sedia ada.
4. Makna tambahan sedia ada iaitu aktiviti yang dibiayai negara kapitalis bagi melangkaui sempadan politik dan bangsa.

Menurut Schwartz (2008), pascamodenisme menggunakan teori peleraian dan pembinaan semula terhadap teks yang sebelum ini dipelopori oleh para sarjana akademik. Peleraian dan pembinaan semula ini adalah menolak kesimpulan terdahulu yang beranggapan kewujudan kebenaran mutlak. Hujah yang digunakan oleh mereka adalah teori sosial pada hari ini telah gagal menjelaskan realiti sebenar kerana kesimpulan terdahulu adalah produk dari pentafsiran yang sangat subjektif.

Sastera pascamodenisme lebih mengkritik sesuatu yang telah dipegang lama sama ada dengan cara berlapik ataupun radikal. Oleh demikian, terdapat kesamaan pascamodenisme dengan Buku Indie yang merombak pegangan masa kini. Para penulis Buku Indie menumpukan percanggahan tradisi dan pegangan masa lalu dan membina semula pada masa kini. Justeru, penulis Buku Indie tidak terikat dengan batasan kebiasaan atas alasan kebebasan. Walaupun kedapatan karya Buku Indie mempunyai sifat positif dan baik, kedapatan penulis Buku Indie menghala ke arah melawan arus perdana.

Eksistensialisme

Disamping Buku Indie membawa falsafah pemikiran pascamodenisme, Buku Indie juga membawa falsafah pemikiran eksistensialisme kerana Buku Indie memberi penumpuan terhadap diri sendiri, tidak mengambil peduli hal masyarakat dan mengutamakan kebebasan dalam penulisan. Byrne & Houlden (2003: 6005-606) berpendapat eksistensialisme adalah sebahagian dari pascamodenisme yang sudah dimulakan oleh Soren Kierkegaard (1813-55) dan diikuti Friedrich Nietzsche (1844-1900) dan Martin Heidegger (1889-1976) yang mempertikaikan pegangan terdahulu dan melakukan rombakan idea. Eksistensialisme merupakan ideologi yang mengutamakan sifat unik manusia bukan makna kemanusiaan. Tambahan pula, eksistensialisme tidak mengambil peduli sistem konsep yang sedia wujud dan mengemukakan bahasa analisis yang baru. Polemik paling besar ditimbulkan adalah sikap individualistik yang mengesahkan kebebasan keinginan manusia bukan masyarakat (Tonder 2008).

Eksistensialisme ini terbentuk hasil dari keinginan seseorang untuk menonjolkan kewujudan diri. Penulis Buku Indie cenderung memperlihatkan kewujudan dirinya dari sudut perkongsian hobi, minat, ideologi dan pemikiran Barat bagi menampakkan sudut kreatif. Kekreatifan ini dijelmakan dengan penonjolan diri tanpa mempedulikan persekitaran dan kesanggupan melawan arus perdana. Atas alasan kebebasan, laras gaya bahasa lebih bersifat memberontak bagi menonjolkan pemikiran dan idea penulis.

Buku Indie didapati mempunyai tiga elemen utama iaitu kebebasan, realistik dan santai yang merupakan gaya penulisan pascamodenisme dan eksistensialisme. Kesemua ini menunjukkan ciri-ciri yang kedapatan dalam Buku Indie yang boleh membawa kepada positif dan negatif secara bersekali. Kajian ini mempunyai implikasi yang perlu diambil perhatian. Walaupun kedapatan Buku Indie yang menghala ke arah dakwah dan motivasi, mutu persembahan Buku Indie adalah rendah dan masih kurang daya intelektualnya kerana Buku Indie hanyalah bacaan santai. Sangat malang jikalau mahasiswa yang merupakan generasi muda yang bakal memimpin negara hanya meminati Buku Indie bukan buku ilmiah. Amat buruk jikalau kehadiran Buku Indie yang memperjuangkan kebebasan dan eksistensialisme membentuk golongan yang mementingkan diri sendiri dan secara tidak langsung membentuk keclaruan identiti dan prinsip yang negatif.

Kedapatan Buku Indie menanggung air yang keruh kerana Buku Indie ini membina rasional bagi menentang kerajaan. Golongan yang terkesan dengan dakyah sedemikian adalah golongan atas pagar yang mudah dipergunakan. Terutamanya apabila kejatuhan ekonomi dan penurunan mata wang akan menyebabkan mereka mempersoalkan kestabilan negara. Jikalau wujud pergolakan dalam negara, rusuhan mudah berlaku demi keadilan. Penulisan Buku Indie merupakan luahan perasaan melalui pembacaan yang lambat laun akan mencetuskan luahan melalui tindakan.

References

- Adnan Hussein & Kamaliah Siarap. 2000. Penggunaan Teknologi Komunikasi-Informasi di Kalangan Ahli Akademik di Malaysia. *Jurnal Komunikasi* (16). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Babbie E. 1994. *The Practice of Social Research*. Chicago: Thomson Publishing.
- BTN (Biro Tatanegara). 2015. *Gerakan Indie di Malaysia*. [https://archive.org/details/GerakanIndieDi Malaysia](https://archive.org/details/GerakanIndieDi%20Malaysia) [2 August 2016].
- Borchert D. M. 2006. Existentialism. In *Encyclopedia of Philosophy*. New York: Macmillan Reference USA.
- Byrne P. & Houlden L. 2003. Existentialism. In *Companion Encyclopedia of Theology*. London: Routledge.
- Corbin J. & Strauss A. 1990. Grounded Theory Research: Procedures, Canons, and Evaluative Criteria. *Qualitative Sociology* 13(1): 3-21. <https://link.springer.com/article/10.1007%2F978-1-4020-0859-3> [27 August 2018].
- Denzin N.K. 2005. Postmodernism. In *Encyclopedia of Social Social Theory*. London: Sage Publication.
- Given L.M. 2008. *The SAGE Encyclopedia of Qualitative Research Methods*. London: SAGE Publications.
- Glasser B.G. & Strauss A.L. 1967. *The Discovery of Grounded Theory*. Chicago: Aldine.
- Ingram D. 2006. Postmodernism. In *Encyclopedia of Philosophy*. New York: Macmillan Reference USA.
- Kerlinger F.N. 1986. *Foundations of Behavioral Research*. London: Holt, Rinehart and Winston Publishing.
- MalaysiaKini. 2015. *BTN Diberi Tempoh 14 Hari Mohon Maaf*. <https://www.malaysiakini.com/news/302496> [2 August 2016].

- Merriam S.B., Tidel E.J. 2016. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: John Wiley & Sons.
- Muhammad Atiullah Bin Othman, Muhammad Hasbi bin Abdul Rahman, Zuraini bt Jamil @ Osman. 2016. *Peranan Islamic Renaissance Front (IRF) Bagi Mengetengahkan Idea Islam Liberal*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah Kusnin. 2016. Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia. http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel_asas/rnd/Fenomena%20Buku%20Indie.pdf [28 July 2016].
- Ree J. 2005. Postmodernism. In *The Concise Encyclopedia of Western Philosophy*. London: Routledge.
- Schwartz J.M. 2008. Postmodernism. In *International Encyclopedia of Social Science*. New York: Macmillan Reference USA.
- Tonder. L. 2008. Existentialism. In *International Encyclopedia of Social Science*. New York: Macmillan Reference USA.
- Utusan Online. 2013. *Mentransformasi Gerakan Belia*. http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130125/re_02/Mentransformasikan-gerakan-belia#ixzz2Jc6UXl71 [3 August 2016].
- Zarina Zainol & Zaiton Endot. 2006. *Sandaran Kajian Umum Mengenai Pembacaan Santai di Kalangan Pelajar*. National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur. http://eprints.utm.my/251/2/ZarinaZainol2006_Sandarankajianumummengenaipembacaan.pdf [2 August 2016].